

# Gabungan tiga NGO pro Anwar tetapkan tarikh akhir peralihan jawatan PM

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** - Suara-suara yang tidak sabar melihat Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri terus berkumandang, terutama oleh kumpulan yang sekian lama dilihat cenderung berpihak kepada Pakatan Harapan (PH).

Atas alasan mahu menjamin kestabilan politik negara, ramai pihak mahu Tun Dr. Mahathir Mohamad menetapkan tarikh beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar, kemungkinan risau peristiwa politik 1998 berulang.

Terbaru, tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) menggesa Dr. Mahathir bersama kepimpinan PH meletakkan proses peralihan jelas berdasarkan perjanjian Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Ketiga-tiga pertubuhan itu malah mendesak penetapan satu tarikh antara setahun dari sekarang hingga paling lewat pada 9 Mei 2021 untuk menyerahkan kuasa kepada Anwar.

Seandainya Dr. Mahathir menuruti janji itu, beliau dapat menjadi Perdana Menteri selama tiga tahun, berbanding yang dipersetujui iaitu dua tahun selepas PH menang PRU-14.

“Walaupun tidak ada rangka masa yang dinyatakan dalam perjanjian itu, Tun dalam pelbagai majlis sering berkata tempoh peralihan akan mengambil masa dua ke tiga tahun selepas PH membentuk kerajaan.

“Bagi memastikan kelancaran peralihan, Anwar perlu dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri enam bulan sebelum tarikh yang ditetapkan” menurut tiga NGO itu dalam surat terbuka kepada Dr. Mahathir hari ini.

Selepas PH menjadi kerajaan, timbul pelbagai persepsi bahawa Timbalan Presiden PKR Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bakal menggantikan Dr. Mahathir.

Gesaan daripada Bersih 2.0, ABIM dan GBM hadir beberapa hari selepas Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang menimbulkan dakwaan liar kononnya sebagai usaha meraih keyakinan agar Pengerusi Bersatu itu kekal sebagai Perdana Menteri hingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Walaupun bagaimanapun, menurut tiga NGO terbabit, kerisauan mereka hanya tertumpu kepada kestabilan politik dan kebertanggungjawaban dalam penggal ke-14 Parlimen tanpa ada sebarang kecenderungan untuk PRU-15.